

Impian Zed Zaidi nak jadi menteri

Di Amerika Syarikat, bintang Hollywood mendiang Ronald Reagan pernah jadi Presiden (1981-1989). Di Filipina, aktor popular Joseph Estrada pun pernah jadi Presiden (1998-2001). Kini, di Indonesia pula impian pelakon dan penyanyi dangdut terkenal Rhoma Irama mahu bertanding calon Presiden akan datang.

Di Malaysia kini sudah muncul beberapa artis menceburi bidang politik seperti Zed Zaidi, Aishah, Abby Abadi, Bob Lokman dan Yasin Sulaiman.

Juwie pun tanyalah Presiden Seniman - Zed Zaidi: Apa impian Zed menceburi bidang politik? Jawab Zed: "(Impian) saya nak jadi Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan".

Timbalan Pengerusi Biro UMNO

Sekarang Zed memegang jawatan Timbalan Pengerusi Biro Kebudayaan dan Kesenian Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Banyak projek sudah dan sedang diusahakan untuk generasi muda menerusi bironya. Dalam masa terdekat Zed rancang nak anjurkan Malam Nurani Rakyat dan Jelajah Negeri Selangor.

"Saya nak bawa artis Persatuan Seniman bantu dan sokong kerajaan dalam bentuk seni. Di luar negara ramai sudah nampak pengaruh artis kepada rakyat. Saya sudah bersedia untuk berkhidmat kepada negara," kata Zed.

Zed atau nama sebenarnya Rozaidi Jamil, 33, lulusan Diploma Sains Komputer dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Undang-Undang dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam dan pada September nanti beliau akan tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dari Universiti Utara Malaysia (UUM).

Menurut Zed, pada 26 Mac ini jam 2.30 petang dia akan jadi ahli panel forum bertajuk 'Artis Berpolitik: Kerana Kredibiliti Atau Populariti?' di Auditorium Media Karangraf, Jalan Renggam, Seksyen 15, Shah Alam. Dua ahli panel yang lain ialah Bob Lokman dan Yasin.

JUWIE: *Kenal dengan ramai tokoh politik negara ketika jadi wartawan Meja Am di BH pada pertengahan era 1970-an.*